

# Piagam belas **Kasih**an

**Prinsip belas kasihan** tersemat dalam jiwa semua tradisi baik yang berasaskan agama, etika atau kerohanian yang sentiasa menyeru kita untuk melayani orang lain seperti yang kita harapkan diri kita dilayani. Perasaan belas kasihan mendorong kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan kesengsaraan dan penderitaan manusia sejagat. Ia juga mendorong kita untuk melepaskan kepentingan kedudukan kita demi kebaikan dan kesejahteraan orang lain. Kita memuliakan dan menghormati kesucian hak individu yang tidak boleh dicabul, disamping memberi layanan kepada setiap orang dengan keadilan, kesaksamaan dan rasa hormat yang mutlak tanpa sebarang pengecualian .

**Adalah juga penting buat** kita dalam kehidupan awam dan persendirian untuk menahan diri secara berterusan dan secara empatik daripada menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan kepada orang lain. Bercakap kasar atau bertindak ganas kerana perasaan dendam, chauvinis atau kepentingan diri; mengurangkan, mengeksploitasi atau meniadakan hak asasi kepada sesiapa sahaja; dan menghasut kebencian melalui fitnah – walaupun terhadap musuh kita – adalah suatu penafian terhadap rasa perikemanusiaan. Kami mengaku bahawa kami telah gagal hidup dengan semangat belas kasihan malah terdapat juga diantara kita yang telah menambah kesengsaraan dan penderitaan manusia atas nama agama.

**Oleh itu kami menyeru kepada semua kaum lelaki dan kaum wanita supaya** ~ menghidupkan semula perasaan belas kasihan sebagai asas kesusilaan dan keagamaan ~ kembali kepada prinsip lama bahawa sebarang tafsiran kitab suci yang menjadi punca keganasan, kebencian atau penghinaan adalah tidak sah ~ untuk menjamin kaum belia mendapat maklumat mengenai tradisi, agama dan kebudayaan orang lain dengan tepat dan benar ~ untuk menggalakkan penghargaan yang positif terhadap kepelbagaian budaya dan agama ~ untuk menanam empati yang rasional dan bersesuaian mengenai kesengsaraan manusia sejagat – termasuk dikalangan mereka yang dianggap musuh.

**Adalah amat penting** untuk kita dengan segera menjadikan perasaan belas kasihan sebagai suatu kekuatan yang senang difahami, jelas dan dinamik dalam dunia yang berpolarisasi ini. Berlutuskan azam yang murni ini, perasaan belas kasihan mampu meruntuhkan sempadan-sempadan politik, dogma, ideologi dan agama. Berasaskan semangat saling bergantung antara satu sama lain yang mendalam, perasaan belas kasihan adalah penting bagi perhubungan manusia sejagat yang sempurna. Perasaan belas kasihan akan membawa kearah pencapaian pengetahuan, dan ianya amat mustahak untuk penjana ekonomi yang adil dan pembinaan satu komuniti global yang aman sentosa.

